

13.11.2019

## SIARAN MEDIA

### PENGHORMATAN KEPADA PBA HOLDINGS BHD TERIMA ANUGERAH KERANA GANJARAN KEPADA PEMEGANG SAHAM

- ***The Edge-Centurion Club Corporate Award*: “Pulangan maksimum kepada para pemegang saham selama 3 tahun” dalam sektor telekomunikasi, media & utiliti.**

PULAU PINANG, Rabu, 13.11.2019: PBA Holdings Bhd (PBAHB) menerima anugerah kerana pemberian ganjaran yang baik kepada para pemegang sahamnya selama lebih 3 tahun.

The Edge Media Group menganugerahkan *The Edge-Centurion Club Corporate Award 2019* kepada PBAHB bagi “pulangan tertinggi kepada pemegang saham selama 3 tahun” dalam sektor telekomunikasi, media & utiliti.

Dalam tempoh bermula tahun 2016 hingga 2018, pembayaran dividen PBAHB adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan	Dividen satu peringkat	% sesaham
2018	3.5 sen sesaham	7.0
2017	4.0 sen sesaham	8.0
2016	4.0 sen sesaham	8.0

*The Edge-Centurion Club Corporate Awards* diwujudkan bagi mengiktiraf perusahaan kecil dan sederhana Malaysia dan CEO mereka. Salah satu kriteria utama untuk “keahlian kelab” adalah permodalan pasaran antara RM100 juta dan RM1 bilion.

CEO PBAHB dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa berkata PBAHB telah mengisytiharkan dan membayar dividen kepada para pemegang saham sejak tahun 2002.

“Malah, 2018 adalah tahun ke-17 berturut-turut kami membayar dividen. Kami cuba memberi ganjaran kepada para pemegang saham secara

konsisten,” katanya.

YB Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia, menyampaikan anugerah itu kepada Dato’ Ir. Jaseni di hotel W Kuala Lumpur malam tadi.

“Adalah satu penghormatan untuk menerima anugerah ini daripada YB Tuan Lim, yang pernah menjadi Pengerusi kami, serta Ketua Menteri Pulau Pinang, dalam tempoh 2008 hingga 2018. Kini, Pengerusi kami adalah YAB Tuan Chow Kon Yeow, yang menggantikan YB Tuan Lim sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang.

“Penghargaan harus diberikan kepada kedua-dua YB Tuan Lim dan YAB Tuan Chow yang meneruskan tradisi PBAHB memberi ganjaran kepada para pemegang saham sejak bertahun-tahun,” kata Dato’ Ir. Jaseni. “Kami anggap ini cara Pulau Pinang yang melaksanakan tugas dengan teratur.”

Dato’ Ir. Jaseni juga mengucapkan terima kasih kepada The Edge untuk anugerah kepada PBAHB ini.

“Anugerah ini datang sebagai kejutan yang mengujakan. Kami tidak jangka kami meneraju jalan dengan memberi ganjaran kepada pemegang saham. Walau bagaimanapun, saya percaya ia akan menjadi peringatan kuat bagi kami untuk terus memberi ganjaran kepada para pemegang saham kami dalam tahun-tahun mendatang,” tambah beliau.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)



12.11.2019 | PBAHB & PBAPP CEO Dato' Ir. Jaseni Maidinsa receiving The Edge-Centurion Club Corporate Award from YB Tuan Lim Guan Eng, Malaysian Minister of Finance.





12.11.2019 | PBAHB wins The Edge-Centurion Club Corporate Award for “Highest return to shareholders over 3 years” in the telecommunications, media & utilities sector.